
FAKTOR LUAR KAWALAN DALAM PENENTUAN STATUS TALAK TIGA SEKALI LAFAZ DI MAHKAMAH SYARIAH

ⁱ*Zaini Bin Nasohah, ⁱMahfuzah Binti Abdul Shukor

ⁱFakulti Pengajian Islam, Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

*(Corresponding author) Email: zbn@ukm.edu.my

ABSTRAK

Perceraian melalui lafaz talak tiga dalam satu masa merupakan perkara yang diperselisihkan di kalangan fuqaha. Perbezaan pendapat ini turut mencorakkan keputusan-keputusan mahkamah dalam membuat pengesahan status lafaz talak berkenaan. Selain faktor lafaz sorih dan kinayah, terdapat faktor-faktor lain yang boleh menentukan status lafaz talak tiga sekali lafaz. Makalah ini bertujuan membincangkan kesan faktor-faktor luar kawalan suami yang melafaz talak dalam penentuan status talak tiga sekali lafaz di Mahkamah Syariah. Kajian ini adalah kajian kes menggunakan kaedah analisa kandungan. Data-data yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif dan perbandingan. Hasil analisis mendapati faktor lain yang dipertimbangkan oleh mahkamah dalam menentukan status kes talak tiga dalam satu lafaz ialah keadaan lafaz talak yang diucapkan dan keadaan suami sebelum, semasa dan selepas melafazkan talak. Ia merangkumi faktor-faktor luar kawalan iaitu sedar, paksaan, hilang pertimbangan, hilang kawalan diri dan kejahanan tentang kesan talak. Faktor-faktor tersebut boleh dibuktikan menerusi sumpah ataupun dokumen perubatan.

Kata kunci: *Faktor, Perceraian, Talak Tiga, Lafaz Talak, Mahkamah Syariah.*

ABSTRACT

The dissolution of marriage through triple *talak* at once is one of the matter debated among the *fuqaha*. This disagreement also shaping the decisions of Syariah Court in making the verification of the *talak* pronunciation. Besides the factor of *sorih* and *kinayah* pronunciation, there are other factors that can determine the status of divorce three times remarks. This paper aims to discuss the effects of external factors on the husband's control of *talak* pronunciation in the determination of the triple *talak* at once status at the Syariah Court. This is a case study that used content analysis method. The data obtained have been descriptively and comparatively analysed. The results of the analysis show that other factors considered by the court in determining the status of triple *talak* at once cases are the condition of the *talak* pronouncement and the condition of the husband before, during and after pronouncing *talak*. It encompasses the external factors of consciousness, coercion, loss in the sense of proportion, loss of self-control and uneducated of the effects of *talak*. These factors can be proven through an oath or medical document.

Keywords: *Factor, Divorce, Triple-Talak, Talak Pronunciation, Syariah Court*

Pengenalan

Tatacara perceraian secara talak yang dikanunkan di dalam akta dan enakmen mempunyai matlamat yang baik iaitu untuk menyusun hal ehwal kekeluargaan Islam secara sistematik, berkesan dan berpandukan hukum syarak. Seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003 misalnya memperuntukkan bahawa setiap permohonan perceraian hendaklah dikemukakan di Mahkamah Syariah sebagai suatu kaedah perceraian secara talak yang terbaik dari sudut hukum syarak dan undang-undang semasa. Meskipun undang-undang telah ada, gejala perceraian di luar mahkamah masih banyak berlaku. Sebahagiannya pula melibatkan talak tiga sekali lafaz. Selain menerusi suatu lafaz yang jelas, perceraian secara talak juga boleh berlaku secara bertulis iaitu melalui surat atau dokumen serta melalui kemudahan teknologi maklumat seperti sistem pesanan ringkas (SMS), e-mel, faksimile dan lain-lain (Mohd Nasran & Mohd Naim 2004). Dalam perkembangan mutakhir ini talak juga boleh berlaku menerusi aplikasi WhatsApp, Telegram, Instagram, Facebook dan lain-lain lagi. Kepelbagaiannya medium yang baru muncul ini sudah tentu menambahkan lagi rencam untuk mengesahkan talak-talak tersebut.

Walaupun Enakmen Undang-undang Keluarga Islam memperuntukkan bahawa perceraian hendaklah berlaku di dalam mahkamah dengan kebenaran mahkamah, namun undang-undang sedia ada juga membenarkan perceraian luar mahkamah disahkan dan didaftar. Dalam zaman moden ini, sudah menjadi praktik umum, talak tanpa kebenaran mahkamah berlaku dalam keadaan seseorang itu dikuasai oleh emosinya (Abu & Fazl Ahmed 1988) sehingga menyebabkan talak diucapkan dalam keadaan yang tidak rasional (Najibah 2012). Tambah merumitkan lagi jika talak itu melibatkan talak tiga sekali lafaz atau talak yang diulang-ulang beberapa kali dalam satu masa. Secara umumnya undang-undang Keluarga Islam di Malaysia tidak memperuntukkan suatu ketetapan khusus berkaitan lafaz talak tiga sekali gus atau yang diulang-ulang beberapa kali dalam satu masa sebagai perceraian talak tiga. Namun kebanyakan penghakiman yang dibuat dalam kes seperti ini adalah jatuh tiga talak Raihanah (2000). Pada kebiasaannya suami yang merasa kesal dengan keterlanjurannya melafazkan talak tiga akan merayu keputusan mahkamah sekiranya lafaz talak berkenaan disabitkan (Azmee & Wan Abdul Fattah 2013). Namun rayuan juga boleh datang dari pihak isteri.

Rasa tidak puas hati sama ada di pihak Plantif maupun Defenden mengenai bilangan talak yang jatuh kesan daripada lafaz talak tiga dalam satu masa yang dibuat lazimnya timbul apabila pihak-pihak rasa ragu atau tidak mengetahui bagaimana sesuatu penghakiman mengenai pengesahan lafaz cerai tersebut dibuat. Rasa tidak puas hati juga boleh terbit apabila keputusan yang dibuat oleh mahkamah tidak seperti yang mereka harapkan iaitu untuk rujuk semula. Disebabkan kepelbagaian kemungkinan alasan yang dikemukakan oleh pihak-pihak terlibat, mahkamah perlu menyiasat dengan teliti menerusi keterangan-keterangan yang dikemukakan pihak-pihak. Mahkamah perlu melihat banyak aspek mengenai keadaan lafaz itu sendiri sebelum membuat apa-apa keputusan. Ini kerana perceraian yang melibatkan talak tiga akan memberikan impak yang besar kepada sesebuah perkahwinan berbanding talak satu kali pertama atau kali kedua yang masih membenarkan rujuk.

Metodologi

Kajian ini adalah kajian kes menggunakan kaedah analisis kandungan. Data-data dianalisis secara diskriptif dan komparatif. Bagi mendapatkan gambaran yang jelas berkenaan kaedah yang digunakan oleh hakim dalam menentukan status dan bilangan talak di mahkamah, sebanyak enam belas alasan penghakiman bagi kes-kes talak tiga dalam satu masa yang dilaporkan dan tidak dilaporkan telah dianalisis. Daripada enam belas alasan penghakiman yang dianalisis, sepuluh daripadanya mengandungi maklumat yang berkaitan dan signifikan.

Dapatan dan Perbincangan

Dalam proses menentukan talak tiga sekali lafaz atau yang diulang-ulang boleh disabitkan atau tidak dan mensabitkan lafaz tersebut dengan tiga ataupun satu talak, Mahkamah Syariah sentiasa memandang serius dan menekankan kehendak yang telah ditetapkan oleh Hukum Syarak serta peruntukan undang-

undang keluarga. Terdapat dua perkara yang lazim diberi perhatian oleh mahkamah dalam menentukan status talak tiga dalam satu lafaz iaitu:

i. Kesahan talak tiga sekali lafaz dan lafaz yang diulang-ulang

Perkara pertama yang perlu diberi perhatian dalam menentukan sama ada talak tiga sekali lafaz atau lafaz yang diulang-ulang boleh disabitkan atau tidak ialah dengan mengenal pasti bentuk lafaz talak yang diucapkan oleh suami. Terdapat beberapa bentuk lafaz talak yang perlu diteliti dalam menentukan kesahan lafaz talak iaitu sama ada sorih, kinayah ataupun mungkin juga taklik. Dalam keadaan lafaz yang jelas menyebut talak tiga atau diulang-ulang sebanyak tiga kali secara sorih, setakat ini Mahkamah Syariah lebih cenderung kepada pandangan sah gugur talak tiga (Raihanah 2000). Analisis mendapati, pendekatan yang hampir konsisten dapat dilihat terutamanya bagi kes-kes yang diputuskan di peringkat Mahkamah Rendah Syariah.

ii. Penentuan bilangan talak yang jatuh sama ada tiga atau satu

Perkara kedua yang diberi perhatian dalam menentukan bilangan talak yang jatuh sama ada jatuh tiga ataupun satu ialah dengan menilai keadaan suami pada masa sebelum melafazkan talak, semasa melafazkan talak dan selepas melafazkan talak. Pihak-pihak yang membuat rayuan biasanya akan mengemukakan alasan-alasan tertentu untuk memberi gambaran suasana ketika talak dilafazkan. Alasan-alasan seperti tidak sedar, tidak tahu akibat, bergurau dan lain-lain sering dikamukakan. Berdasarkan kes-kes yang telah dianalisa, bukan semua alasan boleh diterima untuk tidak mensabitkan jatuh talak.

a) Sedar dan tiada paksaan

Dalam kes *Mohd Hashim bin Mohd Noor v Hamsati bt Samori* (2009), *Rokiah bt Sali lwn Ahmad Bostamam bin Yaacob* (2010), *Marziana bt Marzuki lwn Mohd Afandi bin Mohd Yusoff, Othman bin Ali lwn Che Puteh binti Don* (2003) dan *Mahad Ahmed Mohamed lwn Natasha binti Zolkeflee* (2016), Hakim bicara Mahkamah Rendah Syariah telah mensabitkan berlaku perceraian berjumlah tiga talak di luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah selepas mengambil kira ikrar suami berkenaan yang menyentuh keadaan mereka sebelum, semasa dan selepas melafazkan talak. Dalam kes-kes tersebut, pihak suami berada dalam keadaan sedar dan mengetahui peristiwa yang berlaku hingga menyebabkan mereka melafazkan cerai serta tidak dipaksa oleh mana-mana pihak.

b) Bergurau

Merujuk kes *Md Akhir bin Jaafar lwn Nor Anita bt Yusof* (2011) pula, Y.A. Hakim telah menolak rayuan Perayu dan mengekalkan keputusan Hakim bicara iaitu mensabitkan berlakunya perceraian talak tiga berjumlah tiga talak ke atas pihak Perayu dan Responden. Perayu dalam lafaz talaknya menyebut ‘Aku ceraikan engkau dengan talak tiga’. Menurut fakta kes Perayu melafazkannya semasa menggosok baju sambil berangan-angan, sementara Responden pula pada ketika itu berada di dalam bilik air. Berdasarkan alasan penghakiman Hakim bicara, Y.A. Hakim yang mendengar rayuan ini bersetuju dengan Hakim bicara bahawa lafaz tersebut telah memenuhi semua rukun dan syarat-syarat talak. Maksudnya, alasan bergurau tidak boleh diterima untuk tidak mensabitkan talak.

c) Fikiran bingung, keliru, tertekan hingga hilang pertimbangan

Dalam kes *Hassan bin Shafie lwn Sabariah bt Hamid* (2013) Hakim bicara telah memutuskan berlaku perceraian ke atas Hassan berjumlah tiga talak selepas melafazkan cerai terhadap Sabariah melalui telefon dengan perkataan, ‘Bismillahirrahmanirrahim, aku Hassan bin Mohd Shafie menceraikan isteriku Sabariah bt Hamid dengan talak tiga’. Mahkamah bicara berpandangan lafaz itu diucapkan dalam keadaan sedar. Plaintiff sendiri berupaya memulakan ucapan dengan Bismillah. Mahkamah yang mendengar rayuan ini kemudiannya telah menyiasat dan meneliti semula kes ini selepas Perayu mendakwa dia melafazkan talak dalam keadaan tertekan, keliru dan hilang pertimbangan tetapi sedar.

Mahkamah bersetuju dengan dakwaan Perayu berdasarkan prinsip yang terdapat di dalam kitab *Mughnī al-Muhtāj* iaitu tidak dibenarkan sesuatu yang zahir melainkan dengan qarīnah (pembuktian). Selepas meneliti secara mendalam terhadap punca perselisihan yang berlaku iaitu sebelum isterinya keluar daripada rumah, terdapat qarīnah yang menyebabkan Perayu tertekan dan tidak berhubung dengan sesiapa pun. Dalam kes ini, mahkamah telah merujuk nas dari kitab *'Iṣāḥ al-Tālibīn* yang berbunyi ‘*Jika ada dakwaan suami yang bila mana dalam keadaan Ighlāq (hilang pertimbangan) maka boleh diterima dakwaan dan lafaz yang diucapkan tidak sabit*. Ini berdasarkan hadith riwayat Abu Dāwud (2009):

لا طلاق في إغلاق.

Maksud:

Tidak jatuh talak dan pemerdekaan hamba yang dilakukan dalam keadaan 'Ighlāq.

Mahkamah menyatakan bahawa mahkamah bersedia untuk tidak mensabitkan talak tersebut jika Perayu sanggup bersumpah mengaku bahawa emosi dan fikirannya pada ketika itu tertekan, bingung dan hilang pertimbangan serta tidak wujud niat dan hasrat untuk menceraikan isterinya. Selepas Perayu bersumpah, mahkamah kemudianya telah membatalkan keputusan Hakim bicara. Dapat diperhatikan dalam kes ini, alasan tertekan, bingung dan hilang pertimbangan telah diambil perhatian oleh mahkamah. Mahkamah membuat keputusan bahawa talak yang dilafazkan tidak jatuh setelah Perayu sanggup bersumpah.

d) Marah yang bersangatan hingga tidak sedar dan hilang kawalan diri

Dalam kes *Zakaria @ Supar bin Ali v Hamzah @ Maznah bt Embong*, (2011) Hakim Mahkamah Rendah Syariah telah mensabitkan berlakunya perceraian talak tiga sekali gus (bain kubra) terhadap Zakaria dan isterinya kerana berpendapat lafaz dalam keadaan marah tetap jatuh. Namun begitu, mahkamah yang mendengar rayuan kes ini telah membatalkan pensabitan talak tiga sekaligus oleh mahkamah bicara selepas berpendapat bahawa sabitan tersebut tidak menepati hukum syarak. Mahkamah berpandangan, Hakim bicara telah tidak mengambil kira laporan perubatan yang telah dilampirkan kepadanya yang bertujuan untuk memberitahu mahkamah bahawa Perayu telah diserang dengan penyakit *Organic personality change with depressive illness*. Penelitian mahkamah mendapati penyakit tersebut mengakibatkan Perayu sering menjadi mudah marah, terlalu sensitif, hilang kawalan diri, *impulsive* dan sering berasa was-was terutama apabila gejala kemurungan menjadi teruk. Hakim bicara juga didapati telah tidak memanggil pegawai perubatan yang bertanggungjawab membuat laporan perubatan ke atas Perayu untuk mendapatkan pendapat pakarnya.

Dalam rayuannya, Perayu mendakwa dia dalam keadaan terlalu marah, tertekan dan hilang kawalan diri semasa melafazkan perkataan ‘Tak pe, aku cerai mung tiga talak’ kepada isterinya. Mahkamah yang mendengar rayuan tersebut dalam penghakimannya sangat berkeyakinan bahawa semasa Perayu melafazkan talak itu, beliau berada dalam keadaan tidak sedar, marah, terlalu sensitif, hilang kawalan diri, *impulsive* dan berasa was-was. Mahkamah mendapati wujud bukti ketidaksengajaan untuk melafazkan talak terhadap isterinya. Mahkamah dalam penghakimannya telah merujuk nas dalam kitab *Al-Muktamad fi al-Fiqh al-Shāfi'iyy* yang menjelaskan bahawa, “ketika seseorang itu hilang akal disebabkan perkara yang bukan maksiat baginya, lalu terucap talak olehnya, maka ucapan talaknya itu tidak dikira sebagai lafaz talak baginya kerana ketidakaan melafazkan talak. Kedudukan hukum seperti ini adalah sama dengan orang yang tidak mukallaf seperti kanak-kanak, orang tidak sedar dan orang yang sedang tidur”.

Kes ini jelas menunjukkan kepentingan mewujudkan bahan bukti iaitu *kitābah* (dokumentasi) daripada pihak yang berautoriti dan keterangan pakar sekiranya wujud kes-kes yang melibatkan masalah kesihatan atau masalah dalaman bagi mengukuhkan lagi qarīnah yang ada. Sukar untuk dibuktikan kesahihan sesuatu dakwaan jika tidak ada perkara yang boleh dianggap sebagai *bayyinah*

untuk menyokong dakwaan tersebut. Mahkamah pula perlu meneliti semua *bayyinah* yang dikemukakan oleh pihak-pihak sebelum membuat keputusan.

e) Tidak memahami kesan talak tiga

Dalam kes *Mansor bin Sulaiman v Maharani Soekimi* (2015), Hakim bicara dalam kes ini memutuskan bahawa telah berlaku perceraian talak tiga secara bā‘in kubrā ke atas Plantif dan Defenden berdasarkan perkataan yang telah dilafaz iaitu “Aku cerai hang dengan talak tiga” walaupun plantif mendakwa tidak berniat menceraikan isterinya dan dia tidak memahami kesan talak tiga. Hakim bicara berpendapat, oleh sebab jelas bilangan talak yang disebutkan oleh Plantif adalah tiga talak, wujud kehendak melafaz kan talak berdasarkan kepada keadaan pihak-pihak sewaktu pergaduhan dan talak dilafazkan dalam keadaan sedar, maka gugurlah talak tiga kali pertama berjumlah tiga talak. Hakim bicara dalam penghakimannya menyatakan bahawa tidak memahami kesan talak tiga tidak memberi apa-apa kesan kepada gugurnya sesuatu lafaz yang *sarih*. kerana ia bukanlah syarat atau rukun yang perlu dipenuhi untuk mensabitkan lafaz berbentuk *sarih*.

Situasi yang sama berlaku dalam kes *Rosnita binti Samsuri lwn Azeme bin Hashim* (2015). Pihak Defenden iaitu Azeme telah berbual dengan pihak ketiga iaitu rakan perempuannya dan telah menyebutkan bahawa dia telah bercerai ‘talak last’ dengan isterinya. Pihak Defenden kemudiannya memberitahu pihak Plantif iaitu isterinya tentang lafaz tersebut. Namun pihak Defenden mendakwa lafaz tersebut dibuat tanpa niat dan dia hanya menyedari perbuatan itu adalah salah selepas menghadiri ceramah agama.

Dalam kes ini, Defenden mengakui secara keseluruhannya berhubung dengan kewujudan lafaz seperti mana yang didakwa Plantif. Hakim bicara dalam penghakimannya menyatakan “tujuan Defenden membuat lafaz tersebut hanya kerana ingin bersama dengan perempuan itu kerana terpesona dengan kecantikannya menunjukkan bahawa Defenden seorang yang terlalu mudah untuk bermain-main dengan perkataan talak. Hakim bicara berpendapat lafaz zahir yang digunakan iaitu ‘talak last’ menunjukkan bahawa lafaz ini merupakan lafaz tanjīz yang selari dengan konsep *nahu* iaitu sifat-sifat *Fi'lul al-Mādi wa al-Mudhāri*^c. Meskipun pihak Defenden mendakwa lafaz dibuat tanpa niat namun Hakim bicara di dalam kes ini berpegang kepada kaedah fiqh iaitu ‘*Apabila berlawanan di antara lafaz dengan apa yang diniatkan maka di dahulukan lafaz*’, sesungguhnya apabila niat bersalah dengan lafaz maka pengajaran yang diambil ialah bilangan (jumlah) yang lebih banyak daripada keduanya’, ‘*Kejahilan tidak merubah hukum*’ dan ‘*Apabila lafaz adalah sarih maka niat, tujuan dan maksud adalah sendirinya tidak perlu diambil kira*’. Beliau telah merujuk pelbagai kitab antaranya kitab *Al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, *Mughnī al-Muhtāj*, *al-Majmu*^c, *Usul al-fiqh* dan lain-lain lagi.

Dalam menentukan bilangan talak yang jatuh pula, hakim bicara berpegang dengan kaedah usul fiqh di bawah bab am dan khas yang menyatakan ‘*nombor atau bilangan tiga adalah sebahagian daripada kata nama khas yang tidak memerlukan kepada maksud yang selain daripadanya*’. Dalam kesimpulan penghakimannya, Hakim bicara menyatakan bahawa “talak adalah tiga dan tiga itu jelas bukan lagi bermaksud dua, satu atau selainnya dan ia tidak perlu ditakwil memandangkan perkara itu dikehendaki oleh Defenden berdasarkan pengakuan yang diberikan selaras dengan kaedah fiqh iaitu ‘*Seseorang itu dipegang (dipertanggungjawabkan) berdasarkan dengan pengakuannya (ikrar)*’. Justeru itu, dalam kes ini Hakim bicara telah memutuskan bahawa berlaku perceraian talak tiga ke atas Plantif dan Defenden berjumlah tiga talak berdasarkan alasan-alasan tersebut.

Berbeza pula dalam kes *Shari Ezani bin Ab Rahim lwn Nurul Huda bt Osman* (2013). Perayu telah membala SMS Responden dengan perkataan, ‘Kalau macam ini lebih baik kita berpisah’, tidak lama selepas itu Perayu melafazkan lagi melalui telefon dengan perkataan ‘saya ceraikan awak dengan talak tiga sekali gus’. Hakim bicara telah mensabitkan berlaku talak tiga ke atas Perayu. Mahkamah yang mendengar rayuan ini kemudiannya meneliti semula kedua-dua lafaz yang dibuat oleh Perayu setelah mendapati Hakim bicara tidak melakukan sedemikian. Y.A. Hakim di dalam penghakiman rayuan tersebut telah menyatakan “lafaz pertama dilafazkan oleh Perayu secara kinayah dan memadai untuk disabitkan dengan talak satu secara kinayah. Manakala lafaz kedua pula walaupun diucapkan oleh

suami tersebut secara *sarīh*. dan berniat menceraikan isteri, tetapi Hakim bicara tidak melihat kepada keadaan suami sebelum dan semasa talak dilafazkan iaitu dia dalam keadaan marah setelah dicabar oleh Responden. Perayu pula dalam keadaan tidak tahu atau dalam erti kata yang lain jahil, tersalah atau tersilap kerana tersalah erti bahawa talak tiga dianggap ringan manakala talak satu dianggap berat dan boleh dirujuk semula.”

Dalam penentuan bilangan talak yang jatuh, Y.A. Hakim telah mengambil kira pandangan ulama fiqh dan kisah Rukanah yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w, demi keadilan dan untuk kepentingan awam iaitu dengan mensabitkan talak kali kedua secara *sarīh*. tanpa niat sebagai talak satu kali kedua. Oleh itu keputusan hakim bicara yang mensabitkan talak tiga dipinda. Y.A. Hakim telah merujuk kepada beberapa *naṣ* yang terdapat dalam kitab *Fiqh al-Islami wa Adillatuh* iaitu; ‘talak orang tersalah hukumnya tidak gugur mengikut pendapat Mazhab Shafie kerana ia tidak ada *qasad* untuk menceraikan’, ‘talak di dalam keadaan marah hukumnya tidak gugur apabila keadaan marah itu sampai ke tahap seseorang itu tidak tahu atau tidak mengerti apa yang dikatakan ataupun tidak tahu apa yang dilakukan dan tidak pula dia menggasadkannya’, ‘Dan jika seseorang itu berniat menghendaki kepada bilangan talak akan tetapi dia tidak mengetahui atau tidak tahu mengenai akibatnya terhadap bilangan talak itu nescaya tidak akan berlaku talak kecuali gugur talak satu’.

Y.A. Hakim juga telah menyamakan keadaan Perayu dalam kes ini termasuk dikalangan orang yang tersalah atau terlupa berdasarkan hadith Nabi s.a.w yang berbunyi:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: رفع عن أمني الخطأ والنسيان وما استنكر هو عليه

Maksudnya: *Telah diampun dosa orang yang tersalah atau terlupa*

Apabila dibuat perbandingan antara kes pertama, kedua dan ketiga, pendekatan dan pandangan mahkamah dilihat berbeza. Dalam ketiga-tiga kes, suami mendakwa tidak memahami risiko yang akan ditanggung kesan daripada lafaz talak tiga yang diucapkan. Dalam kes yang pertama dan kedua, Hakim bicara tidak mengambil kira faktor kejahilan hukum syarak iaitu tidak memahami kesan talak tiga sebagai alasan untuk tidak mensabitkan sesuatu lafaz yang sarih. Manakala dalam kes ketiga, mahkamah yang mendengar rayuan telah mengambil kira faktor kejahilan hukum syarak iaitu tersalah erti kesan talak tiga dianggap ringan manakala talak satu dianggap berat meskipun lafaz yang diucapkan adalah sarih kerana berpegang kepada kaedah *rukhsah* (kelonggaran) yang diberikan oleh syarak kepada seseorang yang tersalah. Ini menunjukkan bahawa para hakim mempunyai pandangan berbeza berkenaan aspek kejahilan hukum syarak sama ada ia dianggap sebagai salah satu faktor untuk mensabitkan atau tidak mensabitkan sesuatu perceraian yang melibatkan talak tiga dalam satu masa.

Kesimpulan

Talak adalah lafaz yang memberi kesan pemutus suatu ikatan perkahwinan apatah lagi lafaz talak tiga. Berdasarkan analisis di atas boleh dirumuskan bahawa dalam menentukan dan mengesahkan status talak serta bilangan talak yang jatuh perlu kepada penelitian dengan sangat berhati-hati. Selain bentuk talak yang dilafazkan, faktor-faktor luar kawalan suami yang melafazkan seperti kewujudan unsur paksaan, hilang kewarasan atau hilang kawalan diri patut diberi perhatian. Hukum syarak sendiri telah memberi ruang pengecualian dan keringanan dalam keadaan-keadaan tertentu. Untuk itu, pembuktian yang jelas adalah diperlukan untuk membantu mahkamah membuat keputusan yang tepat seterusnya memberi manfaat kepada pihak-pihak terlibat.

Rujukan

- Abu Dāwud Sulayman bin al-Ash̄ath. 2009. Sunan Abu Dāwud (Vol. 3). Beirut: Dar al-Risalah al-^cIlmiyyah.
Abu Zuhrah, Muhammad. 1957. Al-Ahwal al-Shakhsiyah. Dar al-Fikr al-^cArabīy.
Al-Bassam, Abd Allah bin ^cAbd al-Rahman. 1992. Tawdhīh al-Ahkam Min Bulūgh al-Marām (Vol. 5). Arab Saudi: Dar al-Qiblah li al-Thaqāfah al-Islamiyyah.

FAKTOR LUAR KAWALAN DALAM PENENTUAN STATUS TALAK TIGA SEKALI LAFAZ DI MAHKAMAH SYARIAH

- Al-^cAsqalāni, Ahmad bin ^cAli bin Hajar. 2001. *Fathu al-Bāri bi Sharh Sahīh al-Bukhārī* (Vol. 9). Maktabah al-Malik al-Fahd al-Wataniah 'Ithna' al-Nashar.
- Al-Jazirī Abd al-Rahman. 2003. *Al-Fiqh Ala al-Mazahib al-'Arba'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sayyid Sabīq. 2004. *Fiqh al-Sunnah*. Kaherah: Dar al-Hadith .
- Al-Zuhaylī, Wahbah. 1985. *Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (Vol. 7). Damshik: Dar al-Fikr.
- Azmee Haji Hussin & Wan Abdul Fattah. 2013. Pengesahan Lafaz Talak Tiga: Sorotan Melalui Penghakiman Kes Di Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal Hukum* 37 16: (1), 1-30.
- Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman. 2005. Proses Penghakiman dan Menyatuhkan Keputusan di Mahkamah Syariah: Satu Penilaian. *Jurnal Hukum*, 6(1), 189-213.
- Haji Hanafiah lwn Rokiah*. 1970. *Jurnal Hukum* , 2, 323.
- Hassan bin Shafie lwn Sabariah bt Hamid*, 10500-054-0007-2013 (Mahkamah Tinggi Syariah Selangor Shah Alam 2013).
- Jaafar bin Saidin lwn Nazlah binti Ismail*, 10500-054-0014-2007 (Mahkamah Tinggi Syariah Selangor Shah Alam 2007).
- Mahad Ahmed Mohamed lwn Natasha binti Zolkeflee*. (4 April, 2016). Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. Retrieved 24 Februari, 2017, from www. jakess.gov.my/v4/index.php/koleksi-penghakiman-1/mrs-daerah
- Mansor bin Sulaiman v Maherani Soekimi*. 2015. *Shariah Law Report*, 2, 81-95.
- Marziana bt Marzuki lwn Mohd Afandi bin Mohd Yusoff*. 2009. *Shariah Law Report*, 3, 145-158.
- Md Akhir bin Jaafar lwn Nor Anita bt Yusof* , 10500-054-1119-2011 (Mahkamah Tinggi Syariah Selangor Shah Alam 2011).
- Mohd Hashim bin Mohd Noor v Hamsati bt Samori*. (2009). *Shariah Law Report (ShLR)*, 166-177.
- Mohd Naim bin Hj Mokhtar. 2007. Tatacara Tuntutan Kes Kekeluargaan Di Mahkamah Syariah Di Malaysia. (T. Phd, Performer) Bangi , Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nasran bin Mohamed & Mohd Naim bin Mokhtar. 2004. Pembubaran Perkahwinan Melalui Medium Elektronik Dari Sudut Fiqh Dan Undang-undang Keluarga Islam. *Jurnal Hukum*, 2(17), 127-136.
- Muslim bin al-Hajjāj. (n.d.). *Sahīh Muslim* (Vol. 2). Beirut: Dar Ihya' al-Thurāth al-cArabīy.
- Najibah Mohd Zain. 2012. Semakan Semula Undang-undang Keluarga Islam. Dalam M. S. Siti Shamsiah, *Korpus Undang-undang Islam Di Malaysia: Semakan Dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Othman bin Ali lwn Che Puteh binti Don*, 10001-054-114-2003 (Mahkamah Rendah Syariah Daerah Petaling Jaya 2003).
- Raihanah Hj Abdullah. 2000. Talak Tiga: Analisis Terhadap Penghakiman Mahkamah Syariah. *Jurnal Syariah*, 8(2), 139-154.
- Ramli bin Sulaiman v Rohani binti Ab Hamid*. 2010. *Jurnal Hukum*, 30(1), 95-109.

Rokiah bt Sali lwn Ahmad Bostamam bin Yaacob. 2010. Shariah Law Report, 1, 121-131.

Rosmina binti Masran dan Mohammad Abdullah bin Ali. 2008. Jurnal Hukum, 25(2), 299-320.

Rosnita binti Samsuri lwn Azeme bin Hashim, 10005-054-1545-2015 (Mahkamah Rendah Syariah Daerah Hulu Langat 8 Oktober, 2015).

Shah Rufaizal bin Mohd Ariffin lwn Suzanna binti Awang, 10500-054-0012-2009 (Mahkamah Tinggi Syariah Selangor Shah Alam 2009).

Shari Ezani bin Ab Rahim lwn Nurul Huda bt Osman. 2013. Shariah Law Report, 1, 35-42.

Zakaria @ Supar bin Ali v Hamzah @ Maznah bt Embong. 2011. Shariah Law Report, 2, 12-34.

Zaydān, Ḩabd al-Karīm. 1993. Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah fī al-Baiti al-Muslim (Vol. 8). Beirut: Muassasah al-Risalah.